

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR
BILANGAN 10/2011**

=====

**KADAR CARUMAN PARIT JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN
DALAM MEMPROSES PERMOHONAN PELUPUSAN SECARA
PEMBERIMILIKAN TANAH DAN MENGUBAH SYARAT TANAH
DI NEGERI SELANGOR**

1. **TUJUAN:**

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah dan jabatan teknikal mengenai pelaksanaan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) mengenai pengenaan bayaran caruman parit di Negeri Selangor.

2. **LATAR BELAKANG:**

2.1 MMKN yang bersidang pada 20.3.1996 telah meluluskan kenaikan sumbangan saliran Negeri Selangor bagi permohonan pelupusan secara pemberimilikan tanah dan mengubah syarat tanah bagi tujuan perumahan, perdagangan dan perindustrian daripada RM3,000.00 seekar kepada RM6,000.00 seekar bersamaan dengan RM14,827.00 sehektar.

